

8.11.2025
Siaran Media

DATO' IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBAPP dan PBA Holdings Bhd.

EMPANGAN TELUK BAHANG CAPAI TAHAP KAPASITI EFEKTIF 82.4% BERIKUTAN HUJAN BERTERUSAN

- **Kapasiti efektif 82.4% pada 7.11.2025**
- **Paras tertinggi terakhir dicatat: 98.0% pada 10.12.2023**
- **Dijangka capai tahap selamat antara 80% - 90% sebelum bermula musim kering tahun 2026.**

PULAU PINANG, Sabtu, 8.11.2025: Kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang dijangka berada antara 80% hingga 90% sebelum musim kering seterusnya melanda Pulau Pinang mulai Januari 2026.

Dalam tempoh 88 hari dari 1.9.2025 hingga 7.11.2025, PBAPP merekodkan jumlah hujan sebanyak 989mm di kawasan tadahan air (KTA) Empangan Teluk Bahang. Hasilnya, kapasiti efektif empangan berkenaan telah mencapai 82.4% pada 7.11.2025.

Dengan lebih banyak hujan diramalkan pada November 2025, tahap kapasiti empangan dijangka terus meningkat. Namun begitu, ramalan cuaca juga menunjukkan bahawa Disember 2025 mungkin merupakan bulan yang lebih kering.

Sehubungan itu, kecuali berlaku keadaan yang tidak dijangka, Empangan Teluk Bahang berada dalam keadaan “baik” untuk memenuhi keperluan air kira-kira 37,000 pengguna di kawasan perkhidmatannya. Simpanan air semasa dijangka dapat membantu pengguna-pengguna air di Teluk Bahang, Batu Ferringhi, Tanjung Bungah, Tanjung Tokong dan Mount Erskine menghadapi musim kering yang dijangka bermula pada 1.1.2026.

Untuk makluman, kapasiti efektif Empangan Teluk Bahang berada pada 61.7% pada awal tahun ini, iaitu pada 1.1.2025. Pada 10.4.2025, paras itu susut ke paras terendah untuk tahun ini, iaitu 45.6%, selepas 100 hari cuaca panas dan kering.

Sejak dirasmikan pada tahun 1999, simpanan air di Empangan Teluk Bahang biasanya akan menyusut antara bulan Januari hingga April apabila cuaca kering. Pada akhir setiap tahun pula, hujan lebat pada musim lembap dari September hingga Disember akan meningkatkan semula simpanan air empangan ini sehingga mencapai tahap tinggi (atau penuh) sebelum musim kering kembali.

Namun begitu, pola taburan hujan telah berubah dalam beberapa tahun kebelakangan ini akibat perubahan iklim, terutamanya di kawasan tadahan air (KTA) Empangan Teluk Bahang dan Empangan Air Itam di bahagian pulau. Akibatnya, kapasiti efektif empangan-

empangan ini menunjukkan turun naik. (Sila rujuk “Lampiran A” untuk maklumat lanjut.)

Laporan Status Empangan Pulau Pinang & Sungai Muda (7.11.2025)

Berikut adalah ringkasan ringkas status 3 empangan utama Pulau Pinang:

Empangan	Kapasiti Efektif 1.1.2025	Kapasiti Efektif 7.11.2025	Perbezaan dalam kapasiti efektif
Teluk Bahang	61.7%	82.4%	+ 20.7%
Air Itam	76.7%	98.1%	+ 21.4%
Mengkuang yang Diperbesarkan	91.2%	90.8%	- 0.4%

- **Empangan Teluk Bahang:** Melebihi 80% “Tahap selamat” kapasiti efektif. Kecuali berlaku keadaan luar jangka, kapasiti efektif empangan dijangka berada antara 80% hingga 90% pada 1.1.2026, ketika musim kering seterusnya bermula.
- **Empangan Air Itam:** Kedudukan terbaik dalam tempoh 4 tahun untuk menghadapi musim kering seterusnya, dengan syarat status semasa tidak terjejas akibat ketiadaan hujan dan/atau penggunaan air yang luar biasa tinggi sebelum 1.1.2026.
- **Empangan Mengkuang Diperbesarkan:** Sejak 1.1.2025, PBAPP secara konsisten mengekalkan kapasiti efektif yang kukuh dan stabil bagi empangan simpanan strategik ini yang berperanan sebagai rizab kemarau. Simpanan air empangan ini hanya digunakan sebagai sokongan (“back-up”) kepada bekalan air mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Dua dalam situasi respons kecemasan, apabila PBAPP tidak dapat mengabstrak air yang mencukupi dari Sungai Muda.
- **Sungai Muda:** Pada minggu pertama November 2025, paras sungai direkodkan antara 2.2 meter hingga 2.5 meter di Muka Sauk Lahar Tiang, Seberang Perai Utara (SPU). Paras “selamat” bagi abstraksi air secara optimum ialah 2.0 meter. PBAPP terus mengoptimumkan abstraksi air mentah dari Sungai Muda.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Seksyen Komunikasi Korporat
Email : comms@pba.com.my

Lampiran “A”: Kapasiti Efektif Empangan Teluk Bahang 2021 - 2025

